

Pendigitalan beri 'nyawa' kepada PKS

Oleh Alzahrin Alias - Disember 8, 2021 @ 1:04pm

zahrin@bh.com.my



Pemodal teroka yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Surina Shukri pada program Forum CEO PKS anjuran SAMENTA di Kuala Lumpur, hari ini - NSTP/Aswadi Alias KUALA LUMPUR: Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu menilai secara menyeluruh pelaburan dalam pendigitalan bagi memanfaatkan kelebihannya terhadap operasi perniagaan.

Pemodal teroka yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Surina Shukri, berkata PKS wajar fokus untuk melihat kepentingan digital kepada pelanggan, selain menjadikan operasi perniagaan lebih mudah, pantas serta menjimatkan.

Sehubungan itu, beliau berkata pelaburan digital perlu dilakukan dengan sebaiknya dan PKS mesti memahami kepentingan beralih kepada pendigitalan untuk membantu operasi.

"Sebagai contoh, dalam situasi hari ini, keperluan mesyuarat atau perbincangan yang selama ini dilaksanakan secara fizikal sudah ditukar kepada secara maya.

"Ia memberi penjimatan masa dan tenaga kepada pekerja apabila mereka tidak perlu lagi menghabiskan masa dan tenaga untuk ke pejabat atau lokasi perbincangan.

"Dari situ kita perlu melihat, apakah pulangnya kepada operasi syarikat. Jika ia menjimatkan masa, maka pekerja boleh melaksanakan tugas lain selain dapat menjaga kesejahteraan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel dalam program Forum CEO PKS anjuran Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA) di sini, hari ini.

Sesi itu dihoskan Pengerusi Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) Think-Tank Future Digital, Ganesh Kumar Bangah.

Turut diundang sebagai panel adalah Ketua Pegawai Eksekutif Axiata Enterprise, Dr Gopi Kurup dan Ketua Pegawai Eksekutif Privasia Technology, Puvanesan Subenthiran.

Mengulas lanjut, Surina berkata perniagaan yang terbabit dalam perkhidmatan atau runcit turut digalakkan untuk mempertimbangkan kaedah digital yang memberikan nilai tambah kepada pelanggan serta operasi.

Beliau berkata, kekangan yang dihadapi oleh PKS perlu ditangani dengan sempurna oleh semua pihak merangkumi pasukan pengurusan sehingga pekerja secara bersama.

"Perbincangan atau kerjasama menyeluruh membolehkan PKS menilai kepentingan pendigitalan serta melaksanakan kaedah digital yang sesuai dan bertepatan dengan persekitaran perniagaan," katanya.

Beliau berkata, PKS juga wajar menilai kepentingan mengadaptasi digital ke dalam perniagaan sebelum melakukan pelaburan dalam bidang itu.

"Adalah penting supaya pemilik perniagaan atau pengurusan memahami keperluan digital dan menilai sama ada digital akan membantu meningkatkan operasi perniagaan masing-masing," katanya.